



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NADHILAH BINTI SUHAIMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI
PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER
SEKOLAH MENENGAH**

NADHILAH BINTI SUHAIMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA TEATER DALAM PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN
KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER MURID SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20171000350

Saya / I : NADHILAH BINTI SUHAIMI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr. Lena Farida binti Hussain Chin

Pensyarah Kanan

Jabatan Seni Persembahan

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim

Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07 (hari bulan) Ogos (bulan) 2023.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NADHILAH BINTI SUHAIMI, M20171000350, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMPERIAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. LENA FARIDA BINTI HUSSAIN CHIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA TEATER DALAM PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07 Ogos 2023

Tarikh



Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia Nya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sempurna. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memperoleh keberkatan dari Yang Maha Esa. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Dr. Lena Farida binti Hussain Chin selaku penyelia utama dan Prof. Zaharul Lailiddin bin Saidon selaku penyelia kedua kerana tidak pernah jemu dalam memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan tiupan semangat yang diberikan oleh mereka telah menyemarakkan lagi usaha dalam melengkapkan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menghadiahkan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada saya untuk pengajian ini. Penghargaan yang tidak ternilai ditujukan kepada ahli keluarga tercinta terutamanya ibu dan bapa saya Pn. Rahmah binti Yusoff dan En. Suhaimi bin Yaacob kerana banyak memberikan sokongan, pedoman serta inspirasi agar tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga, guru-guru, para sahabat dan semua yang telah banyak menolong saya ketika bangun jatuh saya dalam usaha menyiapkan pengajian ini. Akhir sekali, tidak ketinggalan ribuan terima kasih diucapkan kepada kakitangan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi ruang dan peluang untuk meneroka ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat ini. Semoga Allah memberi rahmat di atas segala bantuan yang diberikan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Aktiviti Imagination Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir dalam kurikulum teater sekolah menengah. Teknik Imagination dari Teori Lakonan Stella Adler, Teori Konstruktivisme dan Model DDR Richey dan Klein merupakan teras kepada pembangunan modul aktiviti ini. Kebolehgunaan modul ini dinilai melalui dua kitaran menggunakan Metode Delphi. Hasil dapatan dari analisis keperluan dan kajian literatur menunjukkan bahawa tiada modul khusus dan bahan rujukan yang menjadi rujukan dalam pengendalian kegiatan kurikulum teater khususnya lakonan di sekolah menengah Malaysia. Selain itu, pembangunan kandungan modul aktiviti ini direka bentuk dan dibina untuk pengukuhan kemahiran berfikir murid yang mendukung kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Aspirasi Murid. Justeru, objektif kajian ini adalah mereka bentuk dan membangunkan Modul Aktiviti Imagination Lakonan yang menfokuskan teknik imaginasi bagi menjana kemahiran berfikir murid, serta menilai kebolehgunaan Modul Aktiviti Imagination Lakonan untuk dijadikan bahan rujukan dalam pengendalian aktiviti kurikulum teater di sekolah menengah Malaysia. Pengukuhan kemahiran berfikir murid sekolah melalui integrasi teater dalam pendidikan dijangka menyumbang kepada penyediaan modal insan yang menyeluruh dan seimbang, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki Aspirasi Murid unggul bagi menghadapi cabaran abad ke-21 sejajar dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.





THE DEVELOPMENT OF AN ACTING IMAGINATION ACTIVITY MODULE TO IMPROVE THINKING SKILLS IN THE THEATRE CO-CURRICULAR OF SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The objective of this research is to create an Acting Imagination Activity Module that can enhance cognitive abilities in the theatre co-curricular of secondary schools. The utilisation of imagination techniques derived from Stella Adler's Acting Theory, Constructivism Theory, and Richey and Klein's DDR Model constitutes the fundamental basis for the construction of this activity module. The evaluation of the usability of this module is conducted through two cycles employing the Delphi Method. The results derived from the needs analysis and literature study indicate a lack of dedicated modules and reference materials utilised for the management of theatre co-curricular activities, specifically in relation to acting within Malaysian secondary schools. Furthermore, the design and construction of this activity module aim to enhance students' cognitive abilities in alignment with the National Education Philosophy and Student Aspirations. The aim of this study is to create and implement an Acting Imagination Activity Module that emphasises imagination techniques to enhance students' cognitive abilities. Additionally, the study aims to assess the usability of the Acting Imagination Activity Module as a resource for managing theatre co-curricular activities in secondary schools in Malaysia. The integration of theatre in education is anticipated to enhance the cognitive abilities of school students, thereby fostering the development of well-rounded human capital. This approach aims to cultivate critical thinking, creativity, innovation, and strong student aspirations, aligning with the objectives outlined in the Malaysian Education Development Plan 2013-2025.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN



1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	13
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Objektif Penyelidikan	21
1.5 Persoalan Penyelidikan	22
1.6 Batasan Penyelidikan	23
1.7 Kepentingan Penyelidikan	23
1.8 Kerangka Teori Penyelidikan	25
1.8.1 Teori Lakonan Stella Adler	25
1.8.2 Teori Konstruktivisme	33
1.9 Definisi Konseptual	35
1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	36
1.9.2 Pelan Pembangunan Pendidikan	36

Malaysia





1.9.3 Aspirasi Murid	37
1.9.4 Kurikulum	37
1.9.5 Kokurikulum	38
1.9.6 Teater	38
1.9.7 Drama	39
1.9.8 Lakonan	40
1.9.9 Teater Gunaan	41
1.9.10 Teater Dalam Pendidikan	41
1.9.11 Drama Dalam Pendidikan	42
1.9.12 Teater Untuk Pembangunan (TUP)	42
1.9.13 Pemikiran Kreatif	43
1.9.14 Pemikiran Kritis	43
1.9.15 Modul	44
1.9.16 Modul Pengajaran	44
1.9.17 Modul Pembelajaran	45
1.9.18 Modul Aktiviti	46
1.10 Rumusan	47



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan	48
Luar Negara	
2.2 Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan	69
Dalam Negara	
2.3 Kajian Aspirasi Murid dan Kemahiran Berfikir	78
2.4 Kajian Konstruktivisme	85
2.5 Rumusan	89



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	91
3.2	Pendekatan Kajian	92
3.2.1	Kualitatif	93
3.2.2	Pemilihan Masalah Kajian	95
3.2.3	Pengumpulan Data	95
3.2.4	Pengekodan dan Analisis Data	96
3.3	Reka Bentuk Kajian	98
3.4	Instrumen Kajian	102
3.4.1	Pembangunan Instrumen Analisis Keperluan	104
3.4.2	Pembangunan Instrumen Penilaian	113
3.5	Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti	116
3.5.1	Model DDR (Richie & Klein)	117
3.5.2	Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget)	119
3.5.3	Kemahiran Berfikir (Aspirasi Murid)	125
3.6	Metode Penilaian Delphi	130
3.6.1	Prosedur Kajian Metode Delphi	131
3.6.2	Pemilihan Fasilitator	132
3.6.3	Pemilihan Pakar Penilai Modul	133
3.7	Kitaran Penilaian Modul Aktiviti	134
3.7.1	Kitaran 1: Pengembangan Idea	135
3.7.2	Kitaran 2: Penilaian Idea	135
3.8	Rumusan	136



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Analisis Keperluan	137
4.1.1	Dapatan Demografi Responden	138
4.1.2	Responden dan Latar Belakang	138
4.1.3	Dapatan Analisis Keperluan	144
4.1.4	Rumusan Analisis Keperluan	162
4.2	Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti	164
4.3	Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 1	187
4.3.1	Kandungan Modul	192
4.3.2	Aktiviti dan Latihan Modul	196
4.3.3	Rumusan	200
4.4	Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 2	201
4.4.1	Kandungan Modul	207
4.4.2	Aktiviti dan Latihan Modul	211
4.4.3	Rumusan	215

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Perbincangan dan Kesimpulan	217
5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	219
	RUJUKAN	223
	LAMPIRAN	





Senarai Jadual

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Fasa, Sampel, Instrumen dan Bentuk Soal Selidik	103
3.2 Kemahiran Analisis Keperluan Untuk Pendidikan Sumber: (L&D Frameworks Archives, n.d.)	105
3.3 Jenis Soalan Analisis Kajian	106
3.4 Pembahagian Jenis Soalan	109
3.5 Topik Soalan Analisis Kajian Mengikut Jenis Soalan	109
3.6 Soalan Instrumen Penilaian Modul	114
3.7 Perbandingan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivis	120
3.8 Empat Ciri Pemikiran Kreatif	126
4.1 Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti	164
4.2 Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	166
4.3 Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	167
4.4 Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	167
4.5 Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	168
4.6 Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	169





4.7	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	170
4.8	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	170
4.9	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	174
4.10	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	175
4.11	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	177
4.12	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	179
4.13	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	179
4.14	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	179
4.15	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	180
4.16	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	180
4.17	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	183
4.18	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	183
4.19	Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	185
4.20	Senarai lima cara bagaimana Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan mewujudkan situasi pembelajaran berpusatkan murid	186
4.21	Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	189
4.22	Kesahan Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	191
4.23	Purata Kesahan Kandungan Modul	193





4.24	Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul	196
4.25	Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Kitaran 2	201
4.26	Nilai Kesahan Kandungan, Aktiviti dan Latihan Modul	205
4.27	Purata Kesahan Kandungan Modul	208
4.28	Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul	212





Senarai Rajah

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	98
3.2 Carta Alir Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	102
3.3 Model DDR Richey dan Klein Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	118
3.4 Kerangka Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget), Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	122
3.5 Kerangka Penilaian Panel Berdasarkan Struktur Delphi, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	131
4.1 Graf Jantina Responden	138
4.2 Graf Pengalaman Responden Dalam Bidang Teater Dan Drama	139
4.3 Carta Taburan Responden Mengikut Negeri Seluruh Malaysia	140
4.4 Graf Bidang Pekerjaan Responden	141
4.5 Carta Pengkelasan Taburan Negeri Responden Mengikut Tempat Berkhidmat	142
4.6 Pengkelasan Jawatan, Tugas & Peranan Responden dalam Bidang Kesenian Teater / Kokurikulum / Kurikulum	143
4.7 Carta Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater dan Drama di Sekolah	144
4.8 Graf Senarai Program / Aktiviti Luar Sekolah	145
4.9 Carta Responden Yang Memiliki Modul Aktiviti Teater Dan Drama	146





4.10	Graf Sumber Rujukan Yang Digunakan Responden Dalam Pengendalian Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	147
4.11	Carta Bahan Rujukan Teater Dan Drama Dalam Bahasa Melayu Khusus Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Didapati Di Pasaran Malaysia	148
4.12	Carta Modul Aktiviti Teater Dan Drama Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Dan Senang Didapati Di Pasaran Malaysia	149
4.13	Graf Sumber Lokasi Modul Aktiviti Teater Dan Drama	150
4.14	Carta Modul Aktiviti Dapat Membantu Pengendalian Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	151
4.15	Carta Keperluan Pembangunan Modul Sebagai Rujukan Penting Dalam Menjalankan Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	152
4.16	Rujukan Responden Dalam Mengendalikan Aktiviti Teater di Sekolah	153
4.17	Carta Pendapat Responden Terhadap Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Menyumbang Kepada Kemenjadian Murid	154
4.18	Graf Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Mengukuhkan Aspirasi Murid	155
4.19	Carta Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Dapat Melonjakkan Pembangunan Bakat Murid	156
4.20	Carta Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Dapat Mengukuhkan Kemahiran Berfikir Murid	157
4.21	Graf Pilihan Komponen Dalam Teater Dan Drama Untuk Dimasukkan Ke Dalam Modul Aktiviti	158
4.22	Carta Latihan Lakonan Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Merangsang Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis	159
4.23	Graf 4 Pilihan Formulasi Rekabentuk Kandungan Modul Yang Sesuai Untuk Dimuatkan Dalam Modul Aktiviti Teater Dan Drama Untuk Sekolah	160
4.24	Carta Sokongan Responden Terhadap Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Sebagai Pengukuhan Kemahiran Berfikir Murid	161





4.25	Fasa Pembangunan Modul Aktiviti Imagination Imaginasi Lakonan	165
4.26	10 Matlamat Yang Diasaskan Dari Teknik Imagination Imaginasi Lakonan Stella Adler Diimplementasi Dalam Pembangunan Kandungan Modul Aktiviti Imagination Imaginasi Lakonan	181





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TDP	Teater Dalam Pendidikan
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BSKK	Bahagian Sukan, Kokurilukum dan Kesenian





SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Sebahagian Modul Unit 1
- B Contoh Sebahagian Modul Unit 2
- C Contoh Sebahagian Modul Unit 3
- D Contoh Sebahagian Modul Unit 4
- E Contoh Sebahagian Modul Unit 5





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia mempunyai sejarah teater yang agak panjang dan menarik. Namun, kita kekurangan rekod dan dokumentasi sejarah berkenaan tradisi teater di Malaysia.

Walau bagaimanapun dalam Hikayat Raja-Raja Pasai ada menyebut tentang wayang kulit Jawa manakala dalam Hikayat Pattani pula menyebut tentang pelbagai muzik dan bentuk tarian. Namun demikian kebanyakannya formasi persembahan tersebut tidak dapat dikenal pasti dengan tepat. Hikayat secara umumnya memfokuskan pada acara di istana diraja, sementelahan kebanyakannya teater tradisional berkembang sebagai seni rakyat dan kemudian dikenali sebagai teater popular muncul pada akhir abad ke-19. Menurut Ghulam Sarwar Yousof, tradisi teater istana dalam Kesultanan Melayu tidak pernah wujud (Ramlan & Quayum, 2010).

Secara kronologinya, teater proto merupakan bentuk persembahan yang paling awal. Secara asas, teater proto terbahagi kepada tiga kategori yang luas. Kategori pertama teater proto merupakan kumpulan pencerita dan bersifat ritualistik. Antara bentuk awal pencerita teater proto ini ialah selampit, tarik selampit dan awang





batil. Manakala kategori kedua merupakan kumpulan teater boneka atau teater bayang. Di Malaysia teater bayang lebih dikenali sebagai wayang kulit. Sehingga awal 1970-an terdapat empat gaya wayang kulit yang aktif di semenanjung Malaysia iaitu Wayang kulit Siam (yang dinamakan wayang kulit Kelantan), wayang kulit gedek, Wayang Kulit Purwa dan Wayang Kulit Melayu. Kategori ketiga dikenali sebagai teater tarian dan tiga jenis utama yang terdapat di Malaysia ialah Mak Yong, Lakon Chatri (juga dipanggil Menora), Jikey dan Mek Mulung. Kewujudan teater tradisional di Malaysia menjangkau ratusan tahun dan mempunyai pelbagai fungsi sosial kepada masyarakat.

Setelah berkurun lamanya, teater popular mula menapak di Malaysia pada tahun 1870-an. Salah satunya ialah bangsawan. Bangsawan mula bertapak di Pulau Pinang, Tanah Melayu (kini Malaysia) sekitar tahun 1870-an. Teater bangsawan dikatakan berasal dari Wayang Parsi yang dibawa dari Bombay untuk menghiburkan pekerja-pekerja Sepoy di dalam Syarikat Hindia Timur Inggeris dan juga masyarakat setempat. Wayang Parsi dikatakan bermediumkan Bahasa Hindi begitu popular dalam kalangan penduduk tempatan hingga mendorong penduduk tempatan menghasilkan Teater Parsi yang menggunakan bahasa Melayu sebagai media penyampaiannya.

Selepas sekian masa, sambutan terhadap Wayang Parsi mengalami kemunduran dan tidak lagi mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat setempat. Pada peringkat awal penubuhannya, Teater Parsi mementaskan cerita-cerita dari India dan beransur-ansur menggantikannya dengan cerita-cerita saduran dan juga cerita tempatan (Bujang, 1975). Sekitar tahun 1870an, sebuah rombongan seni drama dari India tiba di Pulau Pinang untuk menunjukkan lakonan mereka. Rombongan ini dikenali sebagai rombongan Wayang Parsi atau Mendu yang terdiri





daripada pelakon laki-laki dan perempuan. Setiap pertunjukan yang dilakukan mendapat sambutan hangat dalam kalangan penduduk Pulau Pinang.

Hal ini berlaku kerana bentuk persembahan belum pernah dilihat dalam persembahan-persembahan teater sebelumnya. Repertoire yang dipentaskan terdiri daripada cerita-cerita pengembalaan khayalan yang diinspirasikan berdasarkan tema berkaitan dewa-dewi. Wayang Parsi turut merangkumi tarian dan nyanyian yang bersilih ganti dengan lakonan. Bahasa yang digunakan dalam persembahan Wayang Parsi ialah bahasa Hindi. Sungguhpun bahasa ini bahasa asing tetapi senang difahami oleh penonton-penontonnya pada ketika itu. Hal ini demikian berlaku kerana telah ada keluarga-keluarga dari India yang tinggal di Pulau Pinang dan ada pula di antara mereka yang telah berkahwin dengan orang-orang Melayu tempatan. Tambahan, Pulau Pinang merupakan pelabuhan orang Inggeris berikutnya dengan pembukaannya pada tahun 1786 oleh Sir Francis Light. Jadi tidaklah hairan jika Wayang Parsi ini mendapat sambutan dalam kalangan penduduk Pulau Pinang, terutama mereka yang berketurunan India. Di samping tinggal dan berkahwin dengan orang Melayu tempatan, mereka juga membawa pengaruh kebudayaan mereka dalam masyarakat setempat.

Menurut Salleh (2005), sebelum meletusnya Perang Dunia kedua, bangsawan telah mencapai zaman kegemilangannya sebagai teater komersial yang pertama di Tanah Melayu. Bangsawan berjaya menjadi daya tarikan spektrum penonton yang ramai menjangkau berbilang bangsa dan pekerjaan. Bangsawan mampu menjadi daya tarikan disebabkan format persebahannya mengandungi pelbagai unsur hiburan selaras dengan cita rasa penonton. Nyanyian, tarian, puisi, bela-diri, akrobatik dan yang pentingnya, unsur kekaguman visual dan bunyi sebagai elemen terpenting dalam format persebahannya. Persebahannya *extra-turn* yang dipersembahkan





semasa pertukaran babak menghidangkan aneka persembahan seperti nyanyian, tarian, sketsa dan pelbagai persembahan yang menghiburkan. Indera Bangsawan merupakan kumpulan tempatan yang pertama yang ditubuhkan di Pulau Pinang. Kumpulan ini telah membuat persembahan di seluruh Tanah Melayu dan Indonesia. Populariti kumpulan ini telah mendorongkan pembentukan kumpulan-kumpulan lain yang mengekalkan format persembahan Teater Parsi. Kemunculan bangsawan menjadi salah satu faktor teater tradisional semakin dipinggirkan. Namun begitu, apabila meletusnya perang dunia kedua, seni persembahan teater menjadi mundur dan mengalami zaman kesukaran. Sehingga selepas perang dunia kedua, teater bangsawan mula mencari modenisasi telah mula menapak kembali dalam sejarah teater Malaysia. Pada ketika itulah bentuk teater purbawara muncul dan berada pada fasa transisi antara bangsawan kepada teater realisme.



Malaysia dan titik tolak kepada fasa kemodenan. Fasa ini bermula semasa era realisme. Pada ketika itu ramai anak Melayu yang pulang dari luar negara membawa bersama tanggapan idealistik berkenaan transformasi masyarakat. Sejarah drama kontemporari Malaysia merupakan sesuatu yang menarik kerana perkembangannya sejajar mengikut aliran politik tanah air. Ideologi pengarang muda telah mencetuskan tulisan yang sering menjadi refleksi kepada aliran politik. Kecenderungan drama realisme di Malaysia mengkritik dasar kerajaan secara terbuka dengan menggunakan taktik komedi dan tragedi dalam isu sosial dan kekeluargaan. Hal ini menjadikan drama sebagai sebuah medium komentar yang efektif dalam genre seni persembahan (Hussain Chin, 2020).

Kemerdekaan negara mempengaruhi reaksi penulis drama pentas terhadap perkembangan kemajuan negara. Kesan kemerdekaan mungkin dapat diperhatikan





dalam fokus topik dan gaya drama realistik yang dihasilkan oleh penulis pada tahun 1960-an. Situasi tersebut sama seperti era nasionalisme yang meninggalkan kesan besar pada drama 1950-an. Berikutan usaha kemerdekaan negara pada tahun 1957 yang menumpukan kepada proses pembinaan negara bangsa, objektif kemajuan dan pembinaan negara menjadi semakin jelas. Rancangan Malaysia Pertama telah dibangunkan sebagai fasa pertama menerusi Rancangan 20 tahun (1965-1970). Rancangan ini menggariskan orientasi masa depan kepimpinan baharu Malaysia. Nur Nina Zuhra (1992) menjelaskan bahawa penulis drama moden menjadikan idea pertumbuhan negara sebagai dasar utama dalam pengkaryaan dengan menyatakan keimbangan mereka terhadap perkembangan khususnya dalam penerapan nilai dan sikap yang betul. Penulis moden ketika itu kerap menekankan kepentingan menilai dan menyelesaikan nilai-nilai sosial yang bercanggah agar fabrik sosial negara baharu itu tidak terhakis semasa pembangunan Malaysia. Keprihatinan mereka terhadap integriti dan kejayaan negara baharu ditujukan khusus kepada masyarakat Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, pada tahun 1960-an drama pentas Malaysia dipengaruhi oleh aliran realisme drama Barat. Sejarah realisme bermula pada separuh akhir abad kesembilan belas apabila aliran ini bermula sebagai percubaan untuk menjadikan teater lebih relevan kepada masyarakat. Dari tahun 1859 hingga 1900, teater arus perdana masih didominasi oleh melodrama, drama *spectacle*, komik opera, *vaudeville* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, peristiwa politik dunia telah mengubah suai corak politik dan cara pemikiran baharu. Revolusi 1848 di Eropah telah menunjukkan tekanan transformasi politik, sosial dan ekonomi.

Disebabkan hal inilah karya-karya realisme mula dihasilkan untuk menyedarkan masyarakat tentang kemunduran politik. Ini berlaku kerana realisme merupakan medium yang mudah difahami. Lebih penting lagi, dengan





memperkenalkan mod realistik dengan jelas, karya realisme bertindak sebagai teknik perkongsian konsep yang relevan untuk masyarakat sedar tentang apa yang sedang berlaku. Pada ketika itu, industri dan perdagangan juga merangsang kemajuan teknologi dan perkara ini membawa keyakinan yang lebih besar bahawa sains boleh menyembuhkan masalah manusia. Akan tetapi, beberapa kategori kelas pekerja masih perlu berjuang untuk kesaksamaan hak mereka dalam setiap kemajuan yang berlaku.

Selepas tahun 1860-an, senjata utama yang digunakan pekerja untuk menggerakkan perjuangan kesaksamaan hak melalui penyatuan kesatuan secara mogok. Walau bagaimanapun, kejayaan tidak berlaku daripada tindakan tersebut sehingga berlakunya kezaliman dengan pemberhentian tenaga kerja. Dalam konteks ini, orang ramai mempertahankan diri mereka. Dari situ dapat dilihat bahawa idealisme romantik telah ditolak dan telah memihak kepada pragmatisme. Sebagai contoh, drama *Di Balik Tabir Harapan* karya Mustapha Kamil Yassin merupakan antara drama realistik luar biasa yang pertama telah ditulis dan diarahkan pada tahun 1960.

Krishen Jit (1986) berpendapat pada tahun 1963, drama kontemporari Malaysia berada di barisan hadapan gerakan drama moden. Menurut Krishen Jit, hal tersebut telah menyebabkan gaya sandiwara tidak lagi menerajui teater Melayu. Beliau menyimpulkan perkara ini selepas menyaksikan tiga persembahan drama terkumpul pada tahun 1963 iaitu drama sosial realistik oleh Awang Had Salleh berjudul *Buat Menyapu Si Air Mata*, drama klasik moden oleh Mustapha Kamil Yassin berjudul *Atap Genting Atap Rumbia*, dan drama *Sial Bertuah* oleh Kalam Hamidy. Salah satu drama yang paling popular pada tahun 1960-an ialah *Sial Bertuah*. Drama ini pertama kali dipersembahkan dalam festival drama di Singapura. Sepanjang sebahagian besar





dekad berikutnya 1963, teater perwakilan menjadi gaya yang lazim dalam kalangan pengarang pentas Melayu (Nur Nina Zuhra, 1992).

Semenjak itu, teater moden berlumba dengan cabaran sosial semasa yang berkaitan dengan keadaan pembangunan negara. Tumpuan utama kerajaan baru adalah untuk mempertingkatkan pendidikan, khususnya bagi orang Melayu luar bandar. Hal ini kerana orang Melayu luar bandar mewakili demografi yang kurang berpendidikan sepanjang zaman penjajah. Dalam persempahan moden, guru dan pelajar adalah orang yang sama. Dalam naratif drama moden yang tipikal, seorang guru atau bakal graduan memutuskan untuk membantu penduduk di lokasi luar bandar. Tema seperti ini membantu usaha pembangunan pendidikan dan luar bandar.

Menelusuri penghujung 1960-an sehingga 1980an aliran eksperimental telah mengambil alih fenomena teater realisme Malaysia. Rentetan daripada rusuhan 1969, perubahan bentuk drama moden Malaysia mula berubah. Simbolisme dalam drama moden telah menjadi titik tolak di Malaysia. Noordin Hassan menulis Bukan Lalang Ditiup Angin (BLDA) telah mengkritik kerajaan dengan lantang tapi tidak terbuka. Bermula di situ, penulis di Malaysia mula bereksperimen dan lebih gemar dalam mengkritik politik Malaysia melalui karya. Pada masa sama, karya-karya realisme terus dihasilkan dalam bentuk yang tersendiri sehingga munculnya neorealisme, absurd dan juga eksperimental yang mencetuskan pelbagai isu serta ideologi.

Sejarah perkembangan teater sangat menarik, bermula daripada fasa ritual ke tradisional, klasik, moden dan pasca moden, teater juga turut berkembang dalam dunia pendidikan. Sejarah perkembangan teater dalam pendidikan (TDP) telah bermula di Belgrade Conventry pada tahun 1965 di Britain. Pada ketika itu Teater Belgrade dibangunkan oleh sekumpulan guru dan ahli pemimpin masyarakat dengan





meneroka isu-isu budaya, sosial, politik dan moral yang bertujuan memberikan pendidikan percuma kepada rakyat muda di sana. Organisasi tersebut memulakan operasi dengan cara menggunakan teater dan persesembahan kepada kumpulan kecil anak-anak muda dalam suasana pendidikan yang melibatkan penonton sebagai pemain aktif dalam sesebuah pementasan.

Peminat teater melihat perkembangan TDP tersebut sebagai sebahagian genre propaganda politik (*agitprop*) dan teater komuniti (Wooster, 2007). Hal ini mencetuskan pandangan berbeza terhadap teater yang sebenarnya boleh dikeluarkan daripada persekitaran konvensional (panggung) dan dipindahkan ke tempat yang boleh diakses oleh khalayak yang lebih luas dan mampu mendapat manfaat daripadanya. Pada tahun 1960, berlaku gerakan di seluruh dunia akibat Perang Dunia Kedua sehingga tercetus revolusi dalam dunia pendidikan menyebabkan tertubuhnya banyak syarikat yang menawarkan khidmat teater dalam pendidikan. Rentetan itu, masyarakat mula sedar bahawa teknik teater sangat berguna untuk memupuk pembelajaran yang lebih berkesan dalam dunia pendidikan.

Di Malaysia, tidak ada tarikh yang jelas bila TDP bermula. Namun, antara tahun 1960-an dan 1970-an, maktab perguruan dan institut pengajian tinggi di Malaysia mula memasukkan mata pelajaran seni dalam kurikulum mereka. Hasil daripada perkembangan ini, guru-guru sekolah digalakkan untuk mengikuti kursus ijazah di Universiti Malaya, United Kingdom dan Amerika Syarikat yang membolehkan mereka kemudiannya menjawat jawatan sebagai pensyarah di institusi tempatan. Antara pendidik seni terkemuka yang terlibat pada ketika itu ialah Datuk Tuan Syed Ahmad Jamal, Lee Joo For, Grace Salavnayagam, Anthony Lau, Jolly Koh, dan Yeoh Jin Leng (mengajar seni di Institut Latihan Perguruan Pakar STTI Kuala Lumpur), Vijaya Samarawickrama (mengajar bahasa dan drama di Universiti Teknologi Malaysia),





Mustapha Kamal Yassin dan Noordin Hassan (mengajar drama dan bahasa di Institut Bahasa di Maktab Perguruan Lembah Pantai) dan Khoo Soon Teong, Nazri Ahmad dan Basil Jayatilaka (mengajar muzik di Institut Latihan Perguruan Pakar STTI Kuala Lumpur).

Menjadi pensyarah terlatih di institusi pengajian tinggi pada ketika itu memberi peluang kepada mereka untuk menyumbang kepada pembangunan kurikulum seni. Selain itu, pedagogi seni dan teori perkembangan kanak-kanak telah dimasukkan ke dalam kurikulum seni visual pada tahun 70-an, manakala pendidikan muzik telah beralih daripada orientasi persembahan kepada pedagogi pada akhir 80-an. Rentetan dari itu juga, pada tahun 1985, Kingham dan Pillai menghantar cadangan bertajuk Program Teater Kanak-Kanak USM kepada pengarah Pusat Pengajian Seni (Pusat Seni) di Universiti Sains Malaysia. Program tersebut dicadangkan sebagai program perkhidmatan melalui Kursus Jangka Pendek yang dijalankan khas untuk anak-anak kakitangan Universiti Sains Malaysia dan sebagai idea kepada percubaan dalam pendidikan seni bersepadu.

Walau bagaimanapun, program ini hanya bermula pada tahun 1986 dan berkembang dalam tempoh enam (6) tahun bermula dari 1986 hingga 1991. (Tempoh setiap projek adalah antara empat (4) hingga enam (6) bulan). Memandangkan program tersebut dianggap sebagai program perkhidmatan universiti, peserta pada tahun-tahun awal adalah terhad kepada anak-anak kakitangan universiti. Pengambilan peserta telah dijalankan di universiti secara lisan dan penggunaan risalah. Mulai tahun 1990 dan seterusnya, pengambilan telah diperluaskan untuk memasukkan pelajar dari sekolah-sekolah di sekitar Universiti melalui kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Setiap projek yang dijalankan melibatkan penyertaan kumpulan antara tujuh (7) hingga 20 orang peserta. Peserta Program Seni Kreatif USM berumur





antara 10 hingga 14 tahun; dengan satu pengecualian kanak-kanak yang berumur 17 tahun. Kadangkala anak-anak kakitangan universiti mengambil bahagian lebih daripada satu projek dan ini membolehkan mereka mengembangkan lebih banyak kemahiran yang telah dipelajari. Kelas ini adalah percuma dan diadakan pada setiap hujung minggu dan semasa cuti sekolah (Seni Kreatif Programme, USM, Penang, n.d.).

Sejarah perkembangan TDP secara formal di Malaysia bermula pada tahun 1994 di mana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah menubuhkan Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Pada ketika itu, ASK menawarkan beberapa kursus teater gunaan antaranya teater dalam pendidikan dan teater untuk khalayak muda sebagai kursus elektif. Pada ketika itu, kursus ini diajarkan oleh pensyarah sambilan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) iaitu Puan Faziah Sulaiman. Namun, kedua-dua kursus ini hanya diambil oleh segelintir mahasiswa ASK yang meminati pendekatan teater gunaan.

Semenjak itu, TDP mula berkembang secara serius dengan penubuhan program Minor Teater Dalam Pendidikan yang mula ditawarkan kepada mahasiswa UPSI bermula tahun 2004. Pada ketika itu, idea program ini telah diasaskan oleh Mohd. Zahuri Khairani dan Zolkipli Abdullah serta dibangunkan oleh Zainal Abdul Latiff yang bertitik tolak atas kepercayaan menjadikan TDP sebagai wadah pemantapan kemahiran insaniah kepada bakal-bakal guru. Program ini telah menunjukkan perkembangan yang sangat positif apabila ramai mahasiswa daripada program pendidikan memilih TDP sebagai program minor. Mereka telah membuktikan kejayaan pembangunan kemahiran insaniah dengan memenangi pelbagai pertandingan besar dan mendapat jemputan untuk beraksi di pentas kebangsaan dan antarabangsa di dalam pelbagai program. Melihat kepada perkembangan luar biasa ini, maka Naib



Canselor pada ketika itu Prof. Emeritus Datuk Aminah Ayob telah membuka ruang untuk membangunkan teater UPSI kepada program major (Z. Abdullah, temu bual, Mei 1, 2019).

Rentetan itu, teater dalam pendidikan terus berkelangsungan dan berkesinambungan sehingga kini dalam dunia pendidikan dan semakin kuat berkembang di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, teater dalam pendidikan merupakan salah satu aktiviti didik hibur berpusatkan murid yang mampu meningkatkan potensi dalam diri individu merangkumi aspek bahasa, kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Dalam erti kata lain, teater dalam pendidikan bermatlamat menggunakan aktiviti seni persembahan untuk mewujudkan pembelajaran berkesan merentasi kurikulum dengan cara yang menyeronokkan sekali gus memperkayakan perkongsian budaya dan sosial murid.

Justeru dengan perkembangan pesat teknologi dan peningkatan cabaran pendidikan di Malaysia, pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran baharu sentiasa dirancang dan dirangka menggunakan kaedah teater. Tambahan cabaran pendidikan pada abad ke-21 yang menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Chin et al., 2021) telah menarik pendekatan teater sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sangat berimpak (McAvoy, et.al.,2015). Teater dan drama mempunyai pelbagai komponen yang boleh diubah suai mengikut kesesuaian dalam pendidikan. Aktiviti teater dan drama di sekolah contohnya yang melibatkan murid akan merangsang kemahiran berfikir, mencipta idea dan mengekplorasi kreativiti sekali gus akan melonjakkan domain kognitif, efektif dan psikomotor murid.

Berbicara dengan lebih teliti tentang teater dan drama, penyelidik merumuskan bahawa teater dalam pendidikan ialah sebuah aktiviti integrasi seni dalam proses penyampaian pendidikan yang berlaku secara langsung melalui aktiviti-aktiviti merangkumi ruang dan persekitaran. Melalui aktiviti teater, murid berkebolehan meneroka sekali gus melatih mereka meningkatkan kemahiran konsentrasi, kerja berpasukan, sensitiviti, imaginasi, kreativiti dan yakin diri. Selain sebagai sebuah medium kreatif dan memiliki nilai tambah dalam pendidikan, teater dalam pendidikan juga dilihat sebagai salah satu kaedah terapi yang dapat membantu murid khususnya yang mempunyai masalah disiplin, emosi dan fizikal. Hal ini kerana, aktiviti teater merangkumi pelbagai aktiviti seperti lakonan, tarian dan nyanyian melalui proses simulasi, main peranan dan improvisasi yang dapat memberikan keseronokan kepada murid.



05-4506832



Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti teater yang sesuai dan bermakna untuk

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

kegunaan pendidikan di sekolah adalah penting dikenalpasti dan dirangka terlebih dahulu untuk bagi memastikan objektif teater dalam pendidikan itu sejajar dengan visi pendidikan negara. Proses pemilihan aktiviti teater yang sesuai untuk kegunaan pendidikan peringkat sekolah yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh bidang teater boleh digunakan mengikut kesesuaian dan mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Beberapa orang tokoh ilmuwan teater yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran intelektual dan potensi manusia antaranya Mikhail Aleksandrovich Chekhov, Konstantin Sergeyevich Stanislavski, Sanford Meisner, Augusto Boal dan Peter Brook. Stella Adler misalnya telah memperkenalkan teknik lakonan yang membolehkan individu mengoptimumkan kemahiran berfikir menggunakan teknik imaginasi. Adler percaya bahawa pengalaman seseorang pelakon sangat bergantung kepada pengetahuan lalu yang akan bergabung dengan pemikiran baharu membentuk persembahan yang menarik. Maka, teknik lakonan



beliau lebih menumpukan agar seseorang pelakon menggunakan kecerdasan intelektual dan berimajinasi secara bebas. Adler percaya bahawa alat yang paling penting untuk seorang pelakon ialah berimajinasi dan berfikir. Menurut Adler lagi, merealisasikan drama ke pentas teater memerlukan banyak penyelidikan, dan analisis bagi mengukuhkan struktur teater itu sendiri.

Adler merumuskan bahawa imajinasi merupakan proses yang penting kepada pelakon untuk mencipta hal yang kecil kepada hal yang besar dan kreatif, hal yang mudah menjadi hal yang kompleks serta kritis. Begitu juga halnya dalam konteks pendidikan, imajinasi dapat menggerakkan pemikiran aktif murid dalam proses pembelajaran, tingkah laku fizikal dan emosi. Sementelahan dalam konteks teater, imajinasi akan mengukuhkan keberkesanan watak yang menghasilkan lakonan yang berkualiti. Hal ini disebabkan oleh pilihan yang dibuat dalam minda berdasarkan objektif dan tindakan fizikal yang dibina hasil daripada pemikiran yang kreatif dan kritis sekali gus menjana kemahiran pelbagai demi mencapai objektif pembelajaran. Selain itu juga, melalui imajinasi murid akan merasa aktif untuk membuat analisis sepanjang latihan kerana boleh memilih untuk membuat tindakan yang berbeza.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Falsafah Pendidikan Malaysia menggariskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha tersebut bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan mampu memberi





sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka lahirlah matlamat, hasrat, tunjang dan kemahiran abad ke-21 yang rata-rata menyenaraikan kemenjadian murid sebagai inti pati utama dalam pembentukan modal insan yang berkualiti.

Hal ini bertujuan untuk mempersiapkan mereka dengan cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa kelak. Justeru, pembangunan murid secara holistik boleh dilakukan dengan memberi pengukuhan kepada aktiviti yang melibatkan praktikal supaya bakat, minat dan kemahiran berfikir mereka dapat dilonjakkan secara maksimum. Nadarajan (2014) dalam penyelidikannya membuktikan bahawa pengembangan aspek penaakulan akan mencungkil tahap tertinggi pemikiran, pertimbangan dan penaakulan moral. Aspirasi murid akan berjaya diaplikasikan dan disuburkan kerana teater merupakan sebuah pengisahan sosial yang secara tersiratnya dapat membangunkan pemahaman nilai kemanusiaan, berupaya meningkatkan perasaan empati terhadap orang lain dan nilai kemanusiaan dalam kalangan murid (Gamwell, 2005).

Teater dalam pendidikan berfokus kepada perkembangan ke arah membina sensitiviti daripada aspek imaginasi, persepsi, konsepsi dan intuisi dalam diri murid. Maka, secara tidak langsung akan meningkatkan kreativiti dan imaginasi sekali gus meningkatkan nilai jati diri dan murid (Babbage, 2004). TDP membolehkan murid meneroka senario sosial yang mencabar dan emosi yang terdedah dalam persekitaran yang selamat dan mempunyai sokongan. Persembahan boleh membantu mengembangkan empati murid dengan meneroka pelbagai perspektif. Selain kaedah teater dan drama, TDP boleh dilihat sebagai strategi pengajaran tambahan untuk murid memahami masalah dengan lebih baik, membina hubungan, menghasilkan dan menilai penyelesaian serta melihat peluang untuk mengesan keadaan. Moore (2004)





menjelaskan bahawa penggunaan drama dalam bilik darjah sebagai cara pengajaran membantu murid belajar dalam bukan sahaja dalam bidang akademik, malah proses pembelajaran akan berlangsung dalam pembangunan mental dan sosial murid. Penggunaan drama sebagai alat pengajaran bukanlah perkara baru. Dalam konteks sejarah, drama telah lama diiktiraf sebagai medium indoktrinasi yang berkesan dalam pendidikan.

Seseorang murid akan lebih bebas dan kreatif pembelajarannya apabila diajar secara meneroka, bereksperimen dan bermain dengan ruang. Hal ini disebabkan oleh proses penerimaan dan penaakulan berlaku secara jelas hasil dari integrasi pelbagai teknik teater yang menyeronokkan. Prendergast & Saxton (2009) berpendapat bahawa teater dalam pendidikan adalah salah satu aplikasi amalan teater yang paling berkesan pernah digunakan dan dilihat sebagai satu kaedah pengajaran yang merangkumi persembahan dan pembelajaran yang interaktif. Melalui medium teater,

Boal (2008) menyatakan bahawa, teater adalah lebih dekat dengan psikologi kerana pelakon akan beraksi di atas pentas, berfikir, merasai serta beremosi secara simpati dan empati serta berinteraksi dengan ruang dan persekitaran. Untuk melaksanakan sesebuah pementasan, murid harus bersedia dari segi jasmani dan mental. Latihan diperlukan bagi membangunkan nilai lakonan tersebut. Secara langsung kaedah ini dilihat mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam pembangunan aspirasi murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Apabila berbicara tentang hala tuju ke arah mencapai pelan Transformasi Negara 2050, Kementerian Pendidikan Malaysia terus mengorak langkah dengan memperkenalkan 11 Anjakan Utama Transformasi Pendidikan Malaysia. Anjakan



tersebut dibangunkan demi mengembangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Hal ini disokong pula dengan hasrat transformasi kurikulum iaitu dengan penambahbaikan kurikulum meliputi kokurikulum sedia ada untuk menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan dan cabaran abad ke-21. Selain itu juga, matlamat kurikulum sekolah menengah digubal antara lain untuk menyediakan modal insan yang menyeluruh dan seimbang, berakhhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki aspirasi murid bagi menghadapi cabaran abad ke- 21.

Merujuk Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), dasar utama menerangkan bahawa kegiatan kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Memetik kenyataan dari portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan melibatkan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan bertujuan merangsang perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya daripada segi jasmani, rohani, mental dan emosi.

Selain itu, Kurikulum Kebangsaan juga bertujuan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Kegiatan kokurikulum bermaksud apa juu kegiatan yang dirancang daripada proses pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) mentakrifkan kegiatan kokurikulum sebagai:

- a) Penyertaan dalam sukan dan permainan
- b) Penyertaan dalam persatuan dan kelab

- c) Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam
- d) Lain-lain kegiatan sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan

Namun yang demikian, walaupun usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan sedang berkembang pesat, malangnya kita masih disajikan dengan isu-isu berkaitan kurangnya kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Akibatnya, murid tidak lagi berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan sekali gus tidak dapat berfikir secara kritis di luar konteks akademik sedangkan Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri menggariskan impian dalam membentuk setiap murid agar dapat menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif.

Hakikatnya, fenomena tersebut merupakan masalah yang paling menarik perhatian dan menjadi perdebatan masyarakat kerana dilihat sebagai isu yang berat dan sensitif. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pula menggariskan impian dalam membentuk setiap murid agar dapat menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif. Dalam bidang pendidikan, penguasaan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan para pendidik penting untuk menjadikan murid mampu mentafsir dan mempraktikkan prinsip dan subjek yang dipelajari ke dalam konteks kehidupan harian, meneliti dan membuat pertimbangan sesuai.

Persekutaran sosial memainkan peranan penting dalam membina daya rangsang berfikir seseorang individu. Menurut ahli falsafah dalam bidang pemikiran kritis melalui pembelajaran sosial yang saling berhubung kait antara faktor persekitaran dengan faktor peribadi, sebuah komuniti pemikir akan terbina sekali gus membangunkan kualiti pemikiran individu khususnya pendidik (Nurkhamimi



Zainuddin, 2017). Penyelidikan tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) telah mendapati faktor utama yang menjadi punca pengangguran ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal khususnya dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah.

Wan Mamat (2013) menyatakan bahawa menurut sumber laporan dari Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi (2006), terdapat punca utama kepada masalah pengangguran iaitu kurangnya kemahiran komunikasi yang merangkumi kemahiran lisan, kemahiran pemikiran kritikal dan penaakulan dalam penyelesaian masalah. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dikesan dalam kalangan pendidik di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Pengajaran dikendalikan bersifat dogmatik iaitu berfokus kepada teks serta penggunaan kaedah pengajaran yang kurang meningkatkan daya intelek murid.

Abdullah, et.al., (2014) menyatakan faktor kemerosotan dalam pencapaian Malaysia dalam Programme for International Students Assessment (PISA) pada 2009 adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar Malaysia yang tidak berupaya menaakul soalan yang memerlukan mereka berfikir. Pembangunan kemahiran berfikir merupakan pembangunan sumber manusia yang paling utama dalam sesebuah organisasi. Menurutnya sumber laporan Bank Dunia, para graduan baru Malaysia mempunyai tahap kemahiran berfikir yang paling kurang berbanding negara lain (Asah Kemahiran Berfikir Dan Menyelesaikan Masalah, 2018).

Melihat kepada permasalahan tersebut, penyelidik telah melihat usaha yang boleh dilakukan terhadap pengukuhan Aspirasi Murid dalam kalangan murid iaitu



menggunakan integrasi antara teknik teater yang digabung jalin dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah melalui aktiviti kurikulum teater. Penyelidikan ini dijangka dapat membuktikan bahawa pengukuhan kemahiran berfikir menggunakan kaedah imaginasi daripada teknik lakonan Stella Adler bakal menjadi kaedah atau pendekatan yang paling berkesan sekali gus berjaya membina alternatif pengajaran yang berinovasi kelak. Di samping itu juga, penerapan Aspirasi Murid melalui integrasi teater dalam pendidikan secara terancang membolehkan penyampaian kandungan pelajaran berjalan dengan jelas dan lebih bermakna.

Aktiviti teater dan drama di sekolah-sekolah Malaysia semakin berkembang dari hari ke hari melalui aktiviti kurikulum. Sejak tahun 2000, KOMSAS telah menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini sama seperti bagaimana unsur-unsur sastera digunakan dalam mata pelajaran semasa mula-mula diajar pada tahun 1989. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menentukan bahan bacaan yang mengandungi ciri-ciri sastera seperti watak, tema, konsep, jalan cerita, dan latar yang diteliti dalam sukatan pelajaran KOMSAS. Tujuan utama pengajaran KOMSAS adalah untuk membantu murid menguasai aspek linguistik, seperti keindahan dan kehalusan bahasa. Semua murid mesti mempelajari status KOMSAS sebagai kursus wajib. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran direka bentuk dan masa pengajaran dijadualkan selama dua jam setiap minggu (Ahmad et al., 2010). Pada tahun 2007, buat kali pertama Drama KOMSAS telah diperkenalkan kepada murid sekolah menengah di seluruh negara. Pahang telah menjadi tuan rumah untuk pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, mengisyiharkan bahawa matlamat Kementerian Pendidikan adalah untuk melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam apa juu aktiviti kurikulum yang mereka ceburi. Pencapaian cemerlang dalam



bidang kurikulum dan kokurikulum selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan generasi yang seimbang daripada segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Melalui teater, murid dapat mengenal pasti dan menghargai watak-watak sambil mengembangkan empat ciri penting tersebut dan boleh dikembangkan melalui proses membina lakonan di atas pentas menerusi siri pertandingan (Jalal, et.al., 2014).

Sehubungan dengan itu, KOMSAS menawarkan pembelajaran yang meliputi pengajian dalam sastera dan tidak melibatkan pengajaran dan pembelajaran aktiviti amali. Justeru, apabila dijadikan acara yang dipertandingkan di peringkat sekolah, maka perkara yang paling penting adalah bagaimana menterjemah teks dan drama KOMSAS sebagai sebuah pementasan teater. Sudah tentu keperluan pengasahan bakat dan kemahiran untuk persempahan memerlukan latihan dan ilmu yang spesifik.

Selain itu, perkembangan aktiviti kokurikulum pelbagai pertandingan teater antaranya Pertandingan Drama KOMSAS, Jom Teater, Sayembara Teater Sekolah Menengah, Sayembara Monolog Sekolah Rendah, Semarak Teater dan Festival Teater Sekolah Menengah giat dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.. Pertandingan-pertandingan tersebut menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memupuk penggalakan, pembangunan dan kecemerlangan bakat murid yang dipacu oleh Aspirasi Murid yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Melihat kepada fenomena ini, guru-guru giat melatih murid untuk tujuan tersebut. Namun sebagaimana yang diperoleh dalam dapat analisis keperluan yang akan dibincangkan di dalam Bab 4, perolehan bahan untuk mengajar teater sama ada dalam bidang lakonan, pengarahan, sinografi dan seumpamanya yang sesuai sukar didapati dalam pasaran. Permasalahan tersebut telah menyukarkan para guru yang kurang atau tiada pengalaman dalam pementasan teater untuk lebih berkreativiti mengasah bakat dan potensi murid di sekolah masing-masing.



1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir dalam kurikulum teater dengan menggunakan teknik imaginasi lakonan Stella Adler berdasarkan objektif seperti yang berikut:

- i. Mereka bentuk Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan berdasarkan model DDR Richie dan Klein yang memfokuskan kepada teknik imaginasi yang diinspirasikan daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid.
- ii. Membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan secara konstruktivisme yang memfokuskan kepada teknik imaginasi yang diinspirasikan daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid.
- iii. Menilai kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan berdasarkan metode Delphi untuk dijadikan bahan rujukan dalam pengendalian aktiviti kurikulum teater di sekolah Malaysia.

1.5 Persoalan Penyelidikan

Setelah merangka objektif penyelidikan, beberapa persoalan penyelidikan telah dikenal pasti dalam membangunkan modul ini. Antaranya ialah:

- i. Bagaimakah teknik imaginasi lakonan boleh dimanfaatkan sebagai aktiviti yang mampu mengukuhkan kemahiran berfikir?
- ii. Bagaimakah aktiviti lakonan berdasarkan teknik imaginasi Stella Adler diolah untuk menjadi aktiviti mengukuhkan kemahiran berfikir?
- iii. Bagaimakah kesesuaian dan kebolehgunaan modul ini boleh diukur?

1.6 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini akan menumpukan kepada aktiviti kokurikulum teater untuk murid sekolah menengah Malaysia. Penyelidik akan membangunkan sebuah modul aktiviti secara konstruktivisme berpandukan kepada model DDR Richey dan Klein yang menggunakan kaedah imaginasi daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler. Stella Adler mengembangkan teknik lakonan beliau dengan pelbagai kaedah. Namun pengkaji hanya akan menumpukan kepada aspek imaginasi sahaja. Modul ini dibina atas tunjang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menyokong hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PPPM itu juga merujuk kepada sistem pendidikan berprestasi tinggi yang lain untuk membangunkan kemahiran dan sifat khusus yang boleh diterapkan kepada murid agar mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa depan. Maka itu, enam (6) Aspirasi Murid digariskan untuk mencapai hasrat ini. Namun, dalam penyelidikan ini, hanya satu Aspirasi Murid yang diambil sebagai skop penyelidikan iaitu pengukuran kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Reka bentuk modul aktiviti lakonan ini mengandungi lima (5) unit. Seramai tiga (3) orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan guru berpengalaman dalam bidang teater dan pendidikan telah dipilih untuk tujuan



pengesahan modul aktiviti. Kesahan kandungan modul aktiviti ini akan menggunakan metode Delphi.

1.7 Kepentingan Penyelidikan

Penerapan Aspirasi Murid penting untuk melahirkan modal insan yang fleksibel, berinisiatif, berkebolehan dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sesebuah organisasi dalam menuju status negara maju menjelang tahun 2050. Justeru, sistem pendidikan kebangsaan perlu diberi nilai tambah melalui penerapan Aspirasi Murid agar dapat melahirkan modal insan yang selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan berketerampilan, berakhlak mulia, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara.



Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang berperanan penting melahirkan generasi muda dengan kelayakan akademik bermutu dan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki oleh pasaran luar. Oleh yang demikian, guru memainkan peranan penting dalam memastikan penerapan, pemupukan dan pembinaan kemahiran berfikir berlaku seiring penyebaran ilmu pengetahuan. Kejayaan sesebuah institusi pendidikan dalam menyebarkan dan membangunkan Aspirasi Murid dalam kalangan murid sangat bergantung kepada kredibiliti dan kemahiran seseorang guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti di sekolah (Nadiha, 2011).

Oleh itu, pendekatan yang holistik perlu dijadikan pegangan bagi setiap guru agar dapat membentuk murid yang dapat bersaing di peringkat global daripada segi





ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Sebagai contoh, The American Association of School Administration 3 (AASA) menyatakan bahawa sekolah seharusnya menyediakan peluang pendidikan dengan kurikulum berdasarkan projek yang autentik dengan keadaan kehidupan sebenar, yakni melibatkan murid menangani dan menyelesaikan masalah kehidupan sebenar serta isu yang penting dalam kehidupan sejagat. Pendidikan yang diberikan harus meningkatkan pengetahuan dan kreativiti murid dan pada masa yang sama membolehkan murid berfikir, menaakul, membuat keputusan yang bijak, bekerja sebagai ahli pasukan dan melihat perhubungan dan perkaitan antara ilmu yang dipelajari merentas kurikulum.

1.8 Kerangka Teori Penyelidikan



Penyelidikan ini menggabungkan tiga (3) integrasi teoretikal iaitu Teori Lakonan Stella Adler, Teori Konstruktivisme dan Design and Development Research dari Richey dan Klein.

1.8.1 Teori Lakonan Stella Adler

Stella Adler ialah seorang pelakon, pengarah, dan guru lakonan Amerika. Beliau dilahirkan di New York City pada tahun 1901 dan mula berlakon di pentas pada usia muda. Beliau pertama kali didedahkan kepada teori Stanislavski di Teater Makmal Amerika Syarikat. Setelah itu, beliau kemudiannya menyertai Teater Kumpulan yang berpusat di Amerika. Beliau juga merupakan salah seorang dari beberapa orang pelakon Amerika yang berpeluang belajar secara langsung dengan Stanislavski (Sheana Ochoa,





2014). Menurut Adler (1990), pelakon menggunakan imaginasi secara aktif dan menyeluruh semasa membuat persembahan. Setiap watak dan situasi dihasilkan secara kreatif dan dramatis melalui pemikiran yang berlangsung dalam minda pelakon. Aksi, tindakan atau perbuatan pelakon pergerakan mesti berpunca daripada imaginasi pelakon. Oleh yang demikian, latihan berdasarkan imaginasi adalah penting bagi seorang pelakon. Adler mengemukakan empat (4) teras utama dalam teori lakonannya iaitu:

- 1) Kepentingan Aksi
- 2) Kuasa Imaginasi
- 3) Melatih Minda
- 4) Rasa Epik



teras imaginasi untuk pembangunan modul bagi kajian ini. Melalui teras imaginasi, penyelidik memilih dan menyenaraikan lapan (8) prinsip latihan lakonan yang membantu pelakon berimagination dengan lebih baik:

- 1) Kesedaran Kolektif

Imaginasi merupakan keupayaan pelakon untuk membayangkan idea yang menarik atau luar biasa. Daya ingatan kolektif seseorang manusia sangat luas kerana menurut Adler, manusia tidak akan melupakan apa yang pernah dilihat, didengar, dibaca, atau disentuh. Tambah Adler lagi, seseorang pelakon hanya menggunakan sebahagian kecil daripada pengetahuan dan pengalamannya itu dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, seseorang pelakon akan menyedari kembali apabila mengingatnya. Sejumlah besar pengetahuan dan pengalaman





dalam fikiran pelakon akan digunakan untuk proses membina lakonan yang berkesan dan bermakna.

2) Melihat Secara Imaginatif

Imaginasi dalam latihan lakonan Adler ialah keupayaan seseorang pelakon untuk berangan-angan dan mencipta khayalan. Fikiran dan minda pelakon tentang perkara yang melibatkan aksi dan persembahan datang daripada imaginasi seseorang pelakon.

3) Menggambar

Adler menyatakan bahawa pelakon harus mempunyai keupayaan untuk menggambar. Menggambar dalam konteks Adler bermaksud menggambar secara visual dalam minda dan menggambar melalui lakonan. Proses menggambar melalui ucapan dialog dan aksi lakonan dianggap berkesan apabila pelakon berjaya membuat penonton percaya dan yakin dengan persembahannya.

4) Berdrama

Adler menjelaskan perbezaan antara orang biasa dan pelakon adalah, orang biasa bercakap tentang sesuatu perkara dengan fakta manakala pelakon bercakap tentang sesuatu perkara dengan penuh ‘dramatik’ dan pencirian yang panjang berjela. Adler menekankan pelakon boleh mencabar lakonannya dengan cara tidak hanya berpandukan kepada fakta semata-mata.





Contoh:

Seseorang pelakon diminta untuk menerangkan apa yang dilihat di kedai runcit:

"Saya melihat beberapa buah anggur, pear dan pisang."

Jawapan tersebut menunjukkan seseorang pelakon bercakap benar kerana hanya memberikan fakta tentang apa yang dilihat. Namun, penerangan tersebut adalah kurang berkesan dalam teater kerana pelakon seperti tidak berusaha untuk mencabar lakonannya sendiri.

"Saya melihat buah pear yang besar tetapi terlalu mahal untuk dibeli. Selain itu, saya juga dapat lihat anggur yang ranum, panjang dan rasanya mungkin sangat manis. Ada juga beberapa buah anggur ungu yang besar, muda serta berwarna hijau bersaiz kecil. Tentulah saya boleh makan dan habiskan kesemuanya."



5) Melihat Dengan Penuh Tumpuan

Teknik ini memerlukan kepekaan dan ketajaman deria penglihatan pelakon. Tambah Adler, hasil teknik penumpuan seseorang pelakon akan dapat memberikan huraian secara terperinci.

Contoh:

Latihan 1: Terangkan batu yang diambil dari sebuah taman.

"Ini ialah seketul batu yang diambil dari taman sana tu, nampakkan batu-batu besar di taman tu? Ada yang berwarna kelabu, coklat dan putih. Saiz batu juga pelbagai. Permukaan batu-batu tersebut tidak rata. Kasar, menggerutu dan ada





bahagian yang licin juga. Di sekeliling batu-batu tersebut terdapat rumput yang menghijau, tetapi rumput yang berada betul-betul di celah batu berwarna kuning dan tompok-tompok rumput yang berada di bawah batu telah mati, telah bertukar menjadi warna coklat."

Latihan 2: Terangkan tentang sekuntum bunga mawar.

"Saya ternampak sekuntum bunga mawar. Segar dan mekar. Warnanya merah bak darah menonjolkan keindahan dan kecantikan yang mewah. Sungguh mempesonakan. Batangnya berduri tajam, dan daunnya segar berwarna hijau pekat. Tumbuh segar bersama pokok bunga yang lain yang bermacam jenis dan rupa, namun sekuntum bunga mawar yang kembang mekar tetap menjadi tumpuan."



6) Melihat Dengan Pantas

Latihan teknik pantas merupakan latihan melihat sesuatu perkara semaksimumnya menggunakan masa yang minimum. Adler menyatakan bahawa melalui latihan melihat dengan cepat, seseorang pelakon berupaya mencabar daya fokus terhadap objektif utama sekali gus menjadikan proses menyimpan maklumat menjadi lebih bermakna.

Contoh:

Latihan 1: Membeli belah di pasar raya.

- i. Lihat seberapa banyak objek yang anda boleh dalam masa sepuluh saat.
- ii. Tulis apa yang telah anda lihat.





Latihan 2: Melihat pasangan / rakan.

- i. Lihat seberapa banyak perkara yang anda boleh dalam masa lima saat.
- ii. Tulis apa yang dipakainya.

Latihan 3: Lihat di sekeliling bilik.

- i. Buat kiraan satu hingga lima
- ii. Sebut sepuluh buah objek yang telah anda lihat.

7) Melihat Perkara Yang Menarik Perhatian

Adler telah mencipta latihan lakonan yang dapat membantu pelakon mencetuskan idea dalam mengeksplorasi lakonan agar lebih berkembang dengan lebih baik. Jelas Adler melalui teknik ini, pelakon perlu berfikir tentang sesuatu perkara yang menarik perhatian untuk menerbitkan rasa seronok, teruja dan selesa. Hal ini bertujuan agar seseorang pelakon dapat memberikan idea-idea yang menarik dan luar biasa semasa beraksi.



Contoh:

i. Situasi A:

Seorang lelaki memanjat pokok yang sangat tinggi

ii. Situasi B:

Sebuah kereta ditemui di dasar tasik yang terbiar

iii. Situasi C:

Sehelai daun terbang melayang daripada tingkat 50



8) Melihat Aktiviti Manusia

Latihan ini memerlukan pelakon untuk mencirikan aktiviti manusia secara terperinci. Hal ini kerana, melalui pemerhatian dan pengamatan di kehidupan sebenar, akan membantu pelakon untuk berlakon dengan lebih realistik dan natural dalam lakonannya.

Contoh:

- i. Seorang lelaki dan seekor anjing sedang berseronok bersama
- ii. Seorang wanita menolak kereta sorong dengan bayi di dalamnya
- iii. Seorang lelaki membeli surat khabar
- iv. Dua orang kanak-kanak berpegangan tangan

1.8.1.1 Lakonan Adalah Tindakan

Menurut Adler, lakonan merupakan tindakan atau perlakuan yang memerlukan persediaan emosi yang cukup. Seorang pelakon yang cemerlang perlu membuat kajian secara mendalam tentang perlakuan atau tindakan yang boleh dilakukan agar memenuhi maksud sesebuah cerita. Justeru, Adler menegaskan bahawa latihan boleh menjadi ringkas atau kompleks asalkan pelakon bertindak dalam dua (2) aspek iaitu tindakan pemikiran (minda) dan tindakan aksi (perbuatan fizikal).



Contoh:

"Lihat papan hitam di hadapan anda, kemudian tengok piano di penjuru kanan, Jalan ke pintu masuk dan ketuk pintu dengan kuat. Jerit tolong sekuat hati dan tutup hidung anda dengan tangan. Lari ke tingkap dan cuba buka tingkap. Tingkap terlalu ketat jadi ambil kerusi dan pecahkan tingkap. Berdiri di hadapan tingkap dan minta tolong sekuat hati."

1.8.1.2 Membina Imaginasi

Menurut Stella Adler, sebelum membincangkan imaginasi, adalah penting untuk memberi perhatian kepada instrumen utama seorang pelakon iaitu tubuh badannya. Oleh itu, seseorang pelakon perlu memastikan tubuh sentiasa berada dalam keadaan optimum. Pelakon juga perlu mempunyai postur tubuh badan yang betul kerana memberikan kesan besar terhadap sistem pernafasan yakni penting kepada penjanaan oksigen ke otak dalam memastikan daya fikir diproses dengan baik.

Sepertimana fizikal yang sihat dan berstamina, begitu juga halnya dengan minda pelakon yang perlu berada dalam keadaan yang sangat baik. Apa sahaja aktiviti yang bakal berlaku di atas pentas, pelakon mesti terlebih dahulu bijak dan kreatif mencipta aktiviti tersebut dalam minda. Adler dalam latihan imaginasi akan meminta pelakon membaca skrip dan membayangkan watak dan situasi yang mahu dibina. Maka, untuk proses membina imaginasi tersebut, seseorang pelakon perlu membangunkan soalan yang memberi perincian kepada imaginasi untuk menterjemahkan lakonan yang berkualiti. Justeru,





terdapat pelbagai soalan yang boleh berfungsi sebagai penjanaan dan pengembangan imaginasi

Contoh

Latihan 1:

Bayangkan anda berjalan di sepanjang jalan di sebuah desa.

- i. Di bahagian manakah matahari berada?
- ii. Berapakah panjang bayang anda?
- iii. Bagaimanakah keadaan jalan raya?
- iv. Adakah jalan tersebut berbengkang bengkok?
- v. Adakah jalan tersebut memesongkan bayang anda?
- vi. Apakah jenis tumbuhan atau hidupan yang anda lihat di kawasan sepanjang jalan tersebut?



Latihan 2:

Bayangkan anda berada berdekatan kawasan ladang ternakan haiwan.

- i. Apakah jenis haiwan ternakan yang anda lihat?
- ii. Berapa ekor kah haiwan ternakan di situ?
- iii. Apakah makanan haiwan ternakan tersebut?
- iv. Adakah terdapat tempat berteduh untuk haiwan ternakan tersebut jika hujan turun?
- v. Berapakah keluasan ladang tersebut?
- vi. Berapakah ramaikan orang yang menjaga haiwan ternakan tersebut?

Menurut Adler, mencipta secara imaginatif merupakan maksud kepada lakonan. Pelakon tidak boleh mengatakan tidak tahu, tidak pernah mengalami atau tiada pengalaman. Menurut beliau, pelakon sebaliknya



perlu tahu tentang semua perkara dengan cara mencipta imaginasi tanpa sempadan melangkaui akal fikiran. Buku latihan lakonan beliau bertajuk On Imagination menggariskan seseorang pelakon perlu sentiasa berkata “saya tahu semuanya” walaupun sebenarnya pelakon tersebut tidak tahu kesemuanya. Hal ini demikian kerana, perkara yang tidak diketahui oleh pelakon akan berjaya dicipta melalui imaginasi kreatif yang datang bersama ingatan peribadi dan pengalaman. Adler sangat percaya bahawa setiap pelakon harus menggunakan semua kehidupan, sejarah, sosiologi, seni, imaginasi kolektif sebagai bahan untuk mencipta lakonan yang sesuai dengan objektif dan menghasilkan lakonan yang cemerlang.

1.8.2 Teori Konstruktivisme



05-4506832



Konstruktivisme ialah falsafah pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk membantu kefahaman murid. Konstruktivisme adalah berdasarkan prinsip bahawa individu secara aktif membina pemahaman mereka melalui pengalaman, berbanding dengan menyerap maklumat secara pasif. Apabila individu berinteraksi dengan dunia dan merenung interaksi tersebut, mereka membina pengetahuan sedia ada dan menambah butiran baharu. Teori Pembelajaran Konstruktivis menawarkan perspektif yang unik kerana mempengaruhi keupayaannya murid untuk belajar yang membina pengetahuan melalui integrasi pengalaman sedia ada dan pengetahuan baharu. (Ibrahim, 2005),

Perkataan konstruktivisme berasal daripada pinjaman perkataan Inggeris iaitu *construct* yang bermaksud membina. Jonassen (1991) menyatakan bahawa tujuan ahli psikologi kognitif mengaplikasikan



konstruktivisme terhadap murid adalah untuk mengawal suasana pembelajaran mereka secara berfokus kepada pendekatan realistik bagi menyelesaikan masalah. Pedagogi ini boleh digambarkan sebagai strategi pembelajaran aktif yang terletak dalam domain sosial dan kognitif. Salah satu konsep asas konstruktivisme ialah pengetahuan dan pemahaman tentang dunia yang dibina oleh murid melalui aktiviti seperti penerokaan, pengalaman, dan interaksi.

Oleh itu, perkembangan kognitif adalah asas kepada konstruktivisme kerana pembelajaran berlaku secara aktif dan bukannya secara berasingan. Ini termasuk arahan berpandu yang bertujuan untuk membantu murid mencapai pertimbangan mereka sendiri tentang bagaimana dunia berfungsi malah pengetahuan tersebut dibina oleh pengalaman aktif. Hal tersebut memerlukan murid melibatkan diri dengan kandungan untuk membentuk tafsiran dan membuat kesimpulan mereka sendiri berbanding dengan hanya menggunakan fakta dan statistik. Dengan itu, murid mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang dunia di sekeliling mereka dan perkara ini dijana dalam proses pembelajaran sebagai hasilnya. Konstruktivisme juga menekankan keperluan kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menarik dan dinamik untuk murid di sekolah. Oleh yang demikian, guru perlu memberi peluang kepada murid untuk bereksperimen, bekerjasama, berkomunikasi dan mencipta pengalaman pembelajaran mereka sendiri.

Hal ini demikian telah dibuktikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Noor Azizah Ahmad (2006) yang menggunakan teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta.





Penyelidikan tersebut menumpukan lima fasa dalam model konstruktivisme iaitu fasa orientasi, fasa pencetusan idea, fasa penstruktur semula idea, fasa penggunaan idea dan fasa renungan kembali. Penyelidikan yang melibatkan 133 orang murid di negeri Kedah menunjukkan berlakunya pengaplikasian aspek konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta yang membawa kepada peningkatan kualiti akademik di dalam bilik darjah.

Briner (1999) pernah mengulas secara terperinci tentang bagaimana seseorang individu dapat membentuk dan membina pengetahuan. Menurut beliau, konstruktivisme boleh dilakukan dengan cara menguji idea dan pendekatan menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang kemudiannya digunakan bersama pengetahuan baharu dalam situasi yang baharu. Hal ini disokong pula dengan Nik Azis Nik Pa (1999) yang berpendapat bahawa konstruktivisme dibina melalui pelbagai komitmen sehingga terhasilnya pengalaman yang baharu. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh seseorang melalui pengalaman terpilih yang sedia ada akan menghasilkan maklumat, pengetahuan dan pengajaran yang baharu.

1.9 Definisi Konseptual

Definisi konseptual ialah "definisi kerja yang diberikan secara khusus kepada istilah atau konsep" (Bailey et al., 2002). Kaedah definisi ini digunakan dalam kekeliruan tentang maksud sesuatu istilah. Takrifan biasanya memberikan pembaca pemahaman tentang istilah atau konsep dan menyalurkan usaha dalam pembangunan langkah-langkah sebenar.





1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan matlamat pendidikan di Malaysia untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, mempunyai kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai tahap kesejahteraan diri yang tinggi, serta mampu menyumbang kepada keharmonian dan peningkatan keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

1.9.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



melakukan penyelidikan menyeluruh berhubung dengan sistem pendidikan Malaysia melibatkan tiga isu utama iaitu peningkatan dalam keperluan standard konteks pendidikan antarabangsa, peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan murid menghadapi keperluan abad ke-21 serta peningkatan harapan ibu bapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan negara. Terdapat tiga perkara utama yang menjadi objektif PPPM 2013-2025 iaitu visi sistem pendidikan, Aspirasi Murid dan 11 Anjakan Transformasi sistem pendidikan negara.

1.9.3 Aspirasi Murid

Aspirasi murid merupakan salah satu visi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bertujuan memenuhi





keperluan negara pada masa hadapan, Aspirasi Murid dilakar dengan matlamat untuk melahirkan murid yang boleh menerajui pembangunan intelektual dan global pada masa akan datang. Setiap murid harus menguasai enam perincian penting dalam Aspirasi Murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional agar berupaya bersaing pada peringkat global. Melalui kemahiran berfikir, setiap murid akan belajar bagaimana untuk menimba ilmu sepanjang hidup mereka (melalui rasa ingin tahu dan pembelajaran sepanjang hayat) untuk merapatkan bidang yang berbeza dan mengembangkan pengetahuan baharu. Setiap murid mesti menguasai pelbagai kemahiran kognitif, seperti penaakulan serta pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.



Kurikulum merupakan panduan utama untuk pendidik mengenai perkara yang perlu untuk pengajaran dan pembelajaran, supaya semua murid mempunyai akses kepada pengalaman akademik yang teliti. Dalam konteks Malaysia, kurikulum merupakan asas kepada sistem pendidikan yang akan membentuk generasi akan datang. Kurikulum yang dibangunkan mestilah mencerminkan keperluan semasa dan hala tuju pendidikan, serta aspirasi negara dan keperluan global. Untuk menentukan struktur sosial dan identiti nasional, kesiapsiagaan dan pelaksanaan kurikulum mestilah futuristik, fleksibel, dan dinamik. Pembangunan kurikulum di Malaysia berpandukan pada dasar rasmi yang digariskan dalam undang-undang berkaitan yang telah diisytiharkan, seperti Ordinan Pelajaran 1952, Ordinan Pelajaran 1957,





Akta Pendidikan 1961, dan Akta Pendidikan 1996. Kurikulum Kebangsaan digubal mengikut dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

1.9.5 Kokurikulum

Istilah aktiviti kokurikulum merujuk kepada sebarang aktiviti yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberi peluang kepada murid untuk menambah, mengukuhkan dan mengamalkan kemahiran dan nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Kegiatan ini dikenali sebagai kegiatan berkumpulan dalam Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember 1967, No 5652 (Peraturan Kursus Pengajian), Sekolah 1956. Kokurikulum telah ditakrifkan untuk sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Aktiviti kokurikulum termasuk penyertaan dalam sukan dan permainan, penyertaan dalam kelab dan persatuan, keahlian dalam pasukan beruniform dan aktiviti lain yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan.

1.9.6 Teater

Sejarah teater bermula pada abad ke-6 sebelum Masihi apabila orang Yunani Purba mempersembahkan persembahan dramatik. Teater dikatakan bermula di Athens apabila masyarakat Athens pada ketika itu melakukan acara pujian purba yang dikenali sebagai *dithyrambs*. *Dithyrambs* ialah acara pujian kerohanian berbentuk nyanyian sebagai penghormatan kepada Dewa Dionysus. Kemudian nyanyian puji-pujian tersebut telah disesuaikan untuk perarakan beramai-ramai dengan paduan suara peserta yang berpakaian kostum dan bertopeng. Secara jelas, teater bukan sekadar menyediakan hiburan, malah mencerminkan masyarakat dan mempengaruhi introspeksi.





Memerhatikan apa yang berlaku di hadapan dalam konteks teater sebenarnya telah mengajar masyarakat sesuatu yang baharu tentang diri dan dunia mereka. Dalam seni bina, istilah teater bermaksud bangunan atau ruang tempat berlangsungnya persesembahan. Perkataan teater berasal daripada istilah *theatron* Yunani, yang bermaksud tempat untuk melihat. Sejak zaman purba, reka bentuk teater banyak dipengaruhi oleh keperluan fizikal penonton untuk melihat dan mendengar pelakon, serta perubahan sifat aktiviti yang dipersembahkan. Sejarah teater telah berkembang pesat dengan kelahiran genre-genre baharu menjauhi konvensional tradisi dan mempunyai fungsi dan keperluan tersendiri.

1.9.7 Drama



Drama ialah sebuah karya penulisan yang memaparkan peristiwa sebenar atau rekaan melalui dialog bertulis (sama ada prosa atau puisi). Drama boleh dizahirkan di atas pentas, difilemkan atau disiarkan di radio. Kebanyakan drama dipanggil lakon, dan orang yang menulisnya dipanggil penulis atau dramatis. Semenjak zaman Aristotle (sekitar 335 tahun sebelum Masihi), ramai orang telah menghasilkan karya berbentuk drama. Perkataan drama berasal daripada dua perkataan Yunani yang bermaksud ‘untuk dilakonkan’ dan ‘untuk melakukan tindakan’. Drama merupakan karya penulisan bertujuan untuk dipersembahkan di hadapan penonton. Perkataan drama boleh juga dirujuk dan diklasifikasikan sebagai genre, namun beberapa orang pengkritik tidak bersetuju kerana takrifan tersebut dianggap umum dan terlalu luas.





1.9.8 Lakonan

Lakonan ialah satu bentuk seni persembahan yang merangkumi elemen pergerakan, isyarat dan suara. Kesemua elemen tersebut digunakan untuk menghidupkan watak yang dibuat-buat di atas pentas atau di dalam sesebuah filem. Lakonan bukan sekadar tentang meniru, menunjuk-nunjuk atau bertindak balas terhadap perkara yang tidak wujud semata-mata. Bahkan lakonan merupakan kemahiran yang melibatkan kepekaan yang tinggi dan kecerdasan yang mendalam. Seorang pelakon Perancis iaitu Francois-Joseph Talma pada tahun 1825 mengatakan bahawa kepekaan seorang pelakon adalah apabila seseorang pelakon berupaya mempamerkan wajah sesuai dengan emosi watak yang dilakonkan, berupaya menzahirkan maksud penulis dengan jelas serta memaknakan setiap teks atau dialog yang

diucapkan seiring penjiwaan watak dalam lakonan. (Collins, 1964)

Kecerdasan dalam lakonan dertiikan sebagai keupayaan seseorang pelakon dalam memerhati, mengkaji, menganalisis, memahami dan mengaplikasikan setiap tingkah laku manusia dalam menjalani kehidupan. Menurut Aristotle, Thespis of Icaria merupakan pelakon pertama membuat persembahan di atas pentas yang berjaya menggambarkan setiap perincian lakonan yang cemerlang. Thespis juga merupakan individu pertama yang berlakon secara solo yang telah berjaya mengubah perspektif dunia teater.

1.9.9 Teater Gunaan

Teater Gunaan ialah aktiviti yang menggunakan metodologi berdasarkan teater untuk tujuan mengkaji isu-isu yang membimbangkan masyarakat, mengenal pasti masalah dan menyelesaikan masalah serta merangsang,





mencetus dan membentuk perubahan sosial. Strategi tersebut membolehkan pembangunan pandangan baharu dan konsep cara yang baharu. Teater Gunaan yang berkualiti dan berimpak tinggi bukan sahaja membantu komuniti mengatasi masalah, malah secara tidak langsung memberi perhatian kepada permasalahan, menawarkan alternatif, membantu orang berasa lebih baik, mencabar idea dan yang paling penting berperanan sebagai suara kepada individu atau masyarakat yang tercicir. Melalui Teater Gunaan, pelakon bertugas sebagai pencetus situasi yang kemudiannya diberi tindak balas oleh penonton yakni masyarakat yang menyaksikannya dan akhirnya melalui proses pemikiran yang bermanfaat untuk sesebuah komuniti. Salah satu contoh Teater Gunaan yang popular ialah Teater Komuniti. Teater Komuniti berperanan dalam membangunkan pertumbuhan dan membina perubahan meliputi isu pendidikan, politik dan sosial.



1.9.10 Teater Dalam Pendidikan

Teater dalam Pendidikan (TDP) dibangunkan sebagai gabungan aliran teater dan pendidikan. Dalam konteks teater, gabungan ini telah mencipta metodologi yang menawarkan pendekatan pembelajaran berpusatkan kepada murid. Redington (1979) telah mengenal pasti sifat semula jadi seseorang murid melalui TDP antaranya termasuk pembelajaran berpusatkan murid, bermain dan belajar, pembelajaran berdasarkan projek serta pendekatan didik hibur. Tambah Redington lagi, pentingnya kumpulan umur yang sesuai dalam TDP untuk mendapatkan impak yang berkualiti dan lebih berkesan. Melalui teater sebagai medium pendidikan, pemikir kritikal





dalam kalangan murid boleh dilahirkan kerana TDP itu sendiri adalah berobjektif, kritis dan menjana idea kreatif.

1.9.11 Drama Dalam Pendidikan

Drama dalam pendidikan (DDP) ditakrifkan sebagai kaedah dan subjek dalam pendidikan. Sebagai subjek dalam kurikulum, DDP menggunakan pelbagai elemen dramatik seperti pergerakan, suara, dan main peranan untuk menggalakkan pembangunan nilai kurikulum murid. Sebagai contoh DDP membolehkan murid mempelajari butiran peristiwa sejarah dengan cara melakonkannya menggunakan teknik main peranan.



Teater Untuk Pembangunan merupakan satu bentuk teater berdaya maju melibatkan komuniti sebagai usaha kepada perancangan pembangunan. Penglibatan komuniti dalam sesebuah program membolehkan ahli komuniti tersebut menjadi pemikir untuk melihat potensi pembangunan yang belum diteroka dan kurang digunakan dalam komuniti setempat mereka. Kesedaran, matlamat dan perubahan untuk tujuan pembangunan komuniti boleh dicapai apabila setiap ahli bekerjasama dalam mencari titik penyelesaian kepada sesuatu permasalahan yang berlaku dalam institusi masyarakat. Penglibatan komuniti secara aktif membolehkan masyarakat membangkitkan sesuatu pendapat secara harmoni, secara tidak langsung memupuk sifat kebertanggungjawaban komuniti terhadap isu sosial yang berlaku di sekeliling mereka. Hal ini disokong oleh Asante & Yirenkyi (2018) yang





menyatakan Teater Untuk Pembangunan merupakan medium atau pendekatan yang sesuai melibatkan komuniti kerana bersifat fleksibel untuk persempahan secara langsung dalam pembangunan komuniti secara lebih holistik.

1.9.13 Pemikiran Kreatif

Pemikiran kreatif merupakan sebuah matlamat untuk menghasilkan penyelesaian baharu kepada sesuatu masalah. Pemikiran kreatif menjana idea yang pelbagai. Sebagai contoh, pemikir kreatif akan bereksperimen dengan idea selepas sesi sumbang saran. Penelitian idea dari pelbagai sudut dan mempertimbangkan cara penyelesaian yang sesuai merupakan perkara yang diusahakan dalam pemikiran kreatif. Pemikir kreatif tidak takut untuk mengambil peluang atau mencuba perkara baharu. Keupayaan untuk mencipta, menguji dan melaksanakan penyelesaian baharu menjadikan pemikiran kreatif sebagai aset berharga.

1.9.14 Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis merupakan idea yang kompleks yang telah berkembang sejak 2,500 tahun yang lalu. Frasa pemikiran kritis bermula pada pertengahan hingga akhir abad ke-20. Pemikiran kritis ialah proses yang pemikiran aktif yang berdisiplin melibatkan aktiviti mengkonseptualisasikan, mengaplikasikan, menganalisis, mensintesiskan dan menilai maklumat yang dikumpulkan daripada pemerhatian, pengalaman, refleksi, penaakulan atau komunikasi (Scriven & Paul, 1987). Pemikiran kritis berdasarkan nilai intelek tidak bergantung kepada kejelasan, ketepatan, konsistensi, perkaitan, bukti





yang baik, alasan yang baik, kedalaman, keluasan atau keadilan tetapi melibatkan bagaimana struktur atau bahagian pemikiran yang tersirat dilihat dalam penaakulan. Hal ini termasuk tujuan, masalah atau persoalan yang dihadapi, andaian, konsep, asas empirikal, penaakulan yang membawa kepada kesimpulan, implikasi dan akibat, bantahan dari sudut pandangan yang berbeza dan kerangka rujukan.

1.9.15 Modul

Modul boleh ditakrifkan sebagai satu jenis sumber pengajaran. Modul dibangunkan bagi tujuan pembelajaran untuk kegunaan berkumpulan atau individu. Kandungan modul disusun dengan kemas dan sistematik. Modul juga akan dicetak, dan hasil cetakan akan digunakan sebagai panduan untuk

kedua-dua pengguna sama ada untuk tenaga pengajar atau pelajar. Menurut Alsagoff (1981) secara umumnya istilah modul bererti unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan. Secara amnya, modul biasanya dicipta untuk pembelajaran yang lebih berkesan dan bertujuan membolehkan guru untuk mengajar dengan lebih efektif.

1.9.16 Modul Pengajaran

Modul pengajaran ialah unit pendidikan serba lengkap yang biasanya memfokuskan kepada satu topik atau matlamat pembelajaran. Modul boleh digunakan dalam pelbagai persekitaran, seperti bilik darjah biasa, kursus dalam talian dan program latihan. Biasanya, modul pengajaran yang direka dengan baik akan mempunyai komponen melibatkan objektif pembelajaran. Objektif pembelajaran dirangka bertujuan menerangkan dengan jelas perkara





yang murid sepatutnya boleh lakukan selepas tamat modul. Kandungan modul pula hendaklah relevan dengan objektif pembelajaran dan disediakan dengan cara yang mudah untuk difahami murid (Rothwell et al., 2016). Aktiviti yang dibangunkan dalam modul hendaklah mengandungi kepelbagaiannya aktiviti yang membolehkan murid mempraktikkan apa yang mereka pelajari. Selain itu, penilaian juga boleh dimasukkan. Penilaian dalam modul harus mengandungi ujian yang membolehkan murid menunjukkan pemahaman mereka tentang matlamat pembelajaran. Modul pengajaran boleh menjadi sumber yang baik untuk murid dan guru dan perlu disediakan dengan cara yang teratur. Antara kelebihan menggunakan modul pengajaran ialah ia boleh digunakan dalam pendidikan bagi memenuhi keperluan pelbagai tahap murid.

1.9.17 Modul Pembelajaran



Modul pembelajaran ialah medium yang menempatkan koleksi kandungan pelajaran yang telah disusun dengan rapi. Sesebuah modul yang baik membolehkan pengguna meneroka setiap bahagian kandungan ke kandungan yang lain dengan mudah, jelas dan bersistematik. Modul Pembelajaran didasari beberapa perkara penting antaranya objektif, matlamat, topik, konsep dan tema. Modul yang berkualiti ialah modul yang mengandungi hasil atau objektif pembelajaran sejajar dengan arahan dan penilaian (penajaran konstruktif) serta mempunyai aktiviti pembelajaran yang relevan dengan hasil pembelajaran. Menurut Noah & Ahmad (2005), modul pengajaran dan pembelajaran merupakan modul yang diperkenalkan untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah serta lebih berfokus kepada pengajaran individu kerana aktiviti pengajaran adalah berpusatkan kepada pelajar.





1.9.18 Modul Aktiviti

Menurut (Tajudin & Tajuid, 2016), aktiviti ialah sesuatu yang dilakukan sama ada kegiatan atau usaha. Kegiatan (aktiviti) kokurikulum merujuk kepada kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajar di bilik darjah tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah misalnya kegiatan dalam persatuan-persatuan, kegiatan kesukanan, dan lain-lain (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005). Istilah konseptual modul aktiviti dalam kajian ini dibangunkan dengan merujuk kepada dokumen yang terkandung dalam unit pembelajaran merangkumi kegiatan khusus. Setiap aktiviti dalam modul yang dicipta khas untuk tujuan pendidikan yang membabitkan proses pembelajaran (kurikulum dan kokurikulum). Modul aktiviti merupakan bahan rujukan pembelajaran yang digunakan untuk

sesebuah pengajaran (kokurikulum dan PdPc bersesuaian). Terdapat perkara yang perlu dititikberatkan dan perlu diberi penekanan dalam membina modul iaitu:

- i. Mengenal pasti hasil pembelajaran yang ingin dicapai.
- ii. Isi kandungan yang disampaikan dan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang jelas dan berstruktur.
- iv. Kaedah penilaian yang mengukur sejauh mana hasil pembelajaran yang ingin dicapai telah dipenuhi.

1.10 Rumusan

Melalui penjelasan di atas, penyelidik menyedari bahawa satu strategi dan pendekatan menggunakan pembelajaran yang menyeronokkan dan lebih bersifat praktikal perlu





diusahakan dan dibangunkan dalam bentuk modul. Maka atas inisiatif itu, penyelidik telah membangunkan sebuah Modul Aktiviti Imagination Lakonan bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid sekolah menengah untuk kegunaan aktiviti kurikulum. Justeru bab seterusnya akan membincangkan secara terperinci fasa penyelidikan kajian ini dan proses pembangunan modul aktiviti sehingga selesai serta hala tuju kajian dan sumbangannya dalam pendidikan di Malaysia.

